

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tangani cabaran baharu alam kampus

Dunia kampus sangat menyeronokkan, namun pada masa sama penuh pelbagai cabaran, rencah kehidupan yang perlu ditangani sebaiknya agar pelajar baharu tidak alpa dengan tanggungjawab sebenar sebagai pelajar.

Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Muhamad Anas Misbahudin, berkata bagi pelajar yang baharu menjejakkan kaki ke menara gading, mereka perlu sentiasa kekal dan fokus dengan amanah diberi ibu bapa bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan budaya negatif.

Beliau yang juga Presiden MPP Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), berkata alam kampus memerlukan seseorang menjadi individu hebat, bukan sekadar cemerlang dalam akademik semata-mata tetapi juga dari aspek kokurikulum, keterampilan, kerohanian dan kemahiran insaniah.

"Jangan takut untuk bertanya jika ada sebarang masalah, warga kampus termasuk pihak pengurusan, kakitangan dan pelajar senior tidak lokek untuk berkongsi ilmu dengan anda.

Rapatkan ukhuwah

"Malah, ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di setiap universiti juga sentiasa bersedia membantu pelajar baharu membiasakan diri dengan kehidupan kampus selain merangka aktiviti bagi merapatkan lagi ukhuwah antara pelajar baharu dan lama," katanya kepada Varsiti ketika dihubungi, baru-baru ini.

Muhamad Anas berkata demikian ketika diminta berkongsi pandangan mengenai kehidupan alam kampus bersempena dengan kemasukan pelajar baharu di universiti awam, baru-baru ini.

Sementara itu, Yang Dipertua MPP Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd Ali Faiz Salleh, pula menasihatkan pelajar agar tidak kekok untuk bergaul dan ringan mulut untuk bertanya agar proses penyesuaian diri berjalan lancar.

Katanya, jalinan ukhuwah dengan 'abang dan kakak' senior perlu diwujudkan bagi mendedahkan pelajar baharu kepada asam garam kehidupan sebagai mahasiswa

"Pengisian itu bukan sahaja dapat membantu proses penyesuaian diri dengan persekitaran dan 'keluarga besar' baharu, malah boleh mengentalkan lagi semangat mereka untuk memulakan perjuangan memburu kece-



Mohd Ali Faiz Salleh



Muhamad Anas Misbahudin



Abdul Muiz Abdul Hakim

“**MANFAATKAN
SEGALA
PENGALAMAN
SEPANJANG
MENJALANI
MINGGU ORIENTASI
DI UNIVERSITI
MASING-MASING
AGAR PELAJAR
AKAN SENTIASA
TERDORONG
UNTUK MENCAPAI
KECEMERLANGAN**”

Mohd Ali Faiz
Yang Dipertua MPP UUM

merlangan dalam pengajian di menara gading.

"Manfaatkan segala pengalaman sepanjang menjalani minggu orientasi di universiti masing-masing agar pelajar akan sentiasa terdorong untuk mencapai kecemerlangan serta menjadi generasi pelapis yang berguna," katanya.

Selain itu, Mohd Ali Faiz turut mengingatkan rakan

pelajar agar sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan sama ada ketika berada di dalam mahupun luar kampus.

"Sebagai wakil MPP, saya berharap pelajar baharu dapat menimba ilmu sebaik mungkin dan berjaya dalam apa juga bidang diceburi.

Disumbangkan

"Ini kerana kampuslah tempat terbaik untuk seseorang itu mendapat pengetahuan dan pengalaman berguna yang kemudiannya boleh disumbangkan kembali kepada masyarakat dan negara," katanya.

Bagi Yang Dipertua MPP Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Abdul Muiz Abdul Hakim, pelajar baharu perlu lebih proaktif dan cepat menyesuaikan diri dengan suasana baharu.

"Universiti ialah tempat berhimpunnya para ilmuwan dari pelbagai bidang. Manfaatkan masa di kampus sebaiknya untuk meraih pelbagai ilmu sepanjang empat atau lima tahun di sini.

"Jangan takut untuk menyuarakan apa yang dirasakan betul kerana kita akan belajar daripada kesilapan. Kesilapan akan menjadikan kita lebih baik dan bermanfaat untuk masyarakat, agama dan negara kerana sebaik-baik manusia adalah manusia yang bermanfaat untuk orang lain," katanya.